

Headline	Hasil ladang terus kepada pengguna		
MediaTitle	Sinar Harian (Melaka & Negeri Sembilan)		
Date	03 May 2017	Color	Full Color
Section	News	Circulation	160,000
Page No	40	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	321 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,249
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,746



Hasil ladang terus kepada pengguna

My Best Buy tawar penjimatan barangan segar, bantu orang ramai beli pada harga patut

KUALA PILAH – Sejumlah RM60,000 berjaya diperoleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) menerusi hasil jualan yang dilakukan dalam Program *My Best Buy*, kelmarin.

Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) Fama, Mansor Omar berkata, jumlah itu diperolehi daripada orang ramai yang hadir memberi sambutan menggalakkan kepada jualan dilakukan pemi niaga terlibat.

Menurutnya, Fama optimis membantu masyarakat menangani isu peningkatan kos sara hidup yang semakin meningkat kini.

“Justeru, *My Best Buy* adalah program diselaras kan Fama di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS). Ia mengumpul kan usahawan yang boleh beri kerjasama serta mampu tawarkan harga produk yang dikurangkan bermula lima

peratus sehingga 20 peratus dari harga pasaran mereka. “Ternyata, mekanisme ini berkesan apabila berjaya menarik seramai 71 usahawan mengambil bahagian untuk menyertainya, berbanding 44 usahawan pada permulaan pelancaran program ini

pada 3 April lalu,” katanya di Program *My Best Buy*, di per karangan pejabat Fama Kuala Pilah, kelmarin.

Menurut Mansor, konse p program tersebut juga adalah untuk membawa ha sil ladang secara terus kepada pengguna.

“Pengguna ataupun pen gunjung akan memperoleh kesan penjimatan bagi barang segar terutama ikan, sayur sayuran dan buah-buahan.

“Justeru, pengguna di saran mengunjungi *My Best Buy* kerana harga barang ber patutan dan pelbagai pro duk boleh diperolehi di sini,”

katanya.

Program berkenaan me masuki penganjuran kali ke dua selepas penganjuran per tama dirasmikan pada 3 April lalu yang disempurnakan oleh Ahli Parlimen Kuala Pilah, Datuk Seri Hasan Malek.

Pada tarikh itu, seramai 44 usahawan mengambil bahagian dengan mencatat kan jumlah jualan bernilai RM45,000.

Hadir sama, Pengarah Fama Negeri Sembilan, Muslim Manja dan Pegawai Fama daerah, Rosli Zakaria.



Mansor (dua, kiri) melihat gerai menjual sarung parang di program bertempat di pekarangan Fama Kuala Pilah.



Mansor menerima produk makanan daripada peniaga ketika melawati gerai-gerai yang terdapat di *My Best Buy* kelmarin.